

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN NOGEH ANAK GUMBOK
[MAS GADING]**

TARIKH : 26.3.2015

SOALAN :

Tuan Nogeh Anak Gumbek [Mas Gading] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan jumlah lulusan maktab serta institusi perguruan di Sarawak yang masih belum ditempatkan di sekolah-sekolah serta purata masa menunggu yang perlu mereka lalui sebelum di sekolah tempat mereka bertugas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) masih belum menempatkan 529 orang pelatih guru lepasan Institusi Pendidikan Guru (IPG) di seluruh Malaysia. Daripada jumlah ini hanya seramai 69 orang lepasan IPG di negeri Sarawak iaitu 36 orang dari IPG Kampus Batu Lintang, 22 orang dari IPG Kampus Rajang dan 11 orang dari IPG Kampus Tun Abdul Razak. Penempatan seterusnya akan dilakukan pada bulan Jun 2015.